

Bahan asal dari Arkib

# Ne ~~Musa~~ akan umum dasar buruh asing

Oleh JAMALUDDIN

BAKAR

KUALA LUMPUR, Rabu.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam akan mengumumkan satu dasar berkaitan dengan buruh pendatang yang berjumlah kira-kira 300,000 dalam negeri sekarang, pada bulan Febuari tahun depan.

Sumber-sumber rasmi memberitahu, dasar tersebut digubal demi menghindar mereka dari diperas di samping memastikan mereka berada di negeri ini mengikut undang-undang.

Katanya, proses pengubalan dasar tersebut sedang dijalankan dengan rancak melibatkan beberapa buah Kementerian.

Kementerian-kementerian yang terlibat ialah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri, kini sedang memperinci satu per satu dasar berkenaan agar tidak timbul keraguan di masa depan.

Langkah menggubal dasar berkenaan memandangkan negara ini masih kurang buruh kasar atau buruh perladangan disebabkan orang tempatan sekarang lebih suka bekerja di bandar-bandar atau sektor-sektor swasta.

Akibat itu, ladang-ladang kelapa sawit, koko dan getah di negara ini terbiar begitu sahaja, dan kerugian dianggar berjuta-juta ringgit.

Sebuah agensi Kerajaan, Felda, memerlukan lebih kurang 50,000 buruh kasar di masa akan datang memandangkan hasil-hasil keluaran seperti getah, kelapa sawit dan koko akan mula mengeluarkan hasil tidak berapa lama lagi.

"Di samping Felda, Risa dan Felra juga memerlukan buruh-buruh untuk keperluan mereka," kata seorang pegawai tinggi Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Terdapat kira-kira 150,000 buruh kasar di Semenanjung sekarang ini dan seramai 150,000 orang di Sabah.

Mereka itu sekarang bekerja sebagai pekerja kontrak membersihkan hutan.